

# Press Release



Media : Harian Metro  
Date : 10 January 2012  
Published : Daily  
Language : Bahasa Malaysia  
Circulation : 1, 218 000

## Tupperware, Nutrimetics bergabung

**T**UPPERWARE Brands Malaysia Sdn Bhd (TBM) kini bersatu dengan Nutrimetics yang selama ini beroperasi secara sendirian di Malaysia sebagai langkah menyediakan peluang sinergi dan keberkesanan operasi lebih baik, sekali gus mencapai objektif perniagaan globalnya.

Timbalan Presiden Kawasan dan Pengarah Urusan pasaran Tupperware Brands Asia Tenggara, David Wong berkata, menerusi integrasi ini, pihaknya menasaskan pertumbuhan jualan dua angka pada tahun ini.

Katanya, selain itu, ia melengkap portfolio TBM kerana boleh menawarkan barisan produk kecantikan, kesihatan dan kediaman de-



**DAVID...lengkap portfolio**

ngan lebih menyeluruh.

“Malah, pada masa ini 89 peratus produk kami adalah daripada barangan boleh guna (tahan lama dan lasak) manakala 11 peratus produk boleh dimakan,” katanya di

majlis pengumuman gabungan Nutrimetics ke TBM di Subang Jaya, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pemasaran TBM, Christine Wong dan Pengurus Kanan Jenama Nutrimetics Antarabangsa, Scott Williams.

Wong berkata, setakat ini TBM mempunyai 305,000 pengedar di seluruh Malaysia dan menjangkakan ia akan bertambah berikutan penggabungan terbabit.

“Kami tidak boleh meletakkan sasaran penambahan pengedar kerana setiap bulan kami menerima kemasukan pengedar baru, namun yakin ia akan berkembang kerana Nutrimetics sudah mempunyai pengguna tersendiri,” katanya.